

**SIARAN AKHBAR**

**28 September 2020**

**EKUINAS MEMACU INISIATIF PENCIPTAAN NILAI UNTUK MENINGKATKAN PRESTASI PORTFOLIO**

**Sorotan Penting:-**

- Ekuinas Direct (Tranche II) Fund mencatatkan Pulangan Portfolio Kasar RM582.9 juta, menjana Kadar Pulangan Dalaman (IRR) kasar tahunan dan IRR bersih masing masing pada 13.5% dan 9.6%.
- Ekuinas secara positif meningkatkan keseluruhan pegangan ekuiti Bumiputera kepada RM5.4 billion, atau 1.5 kali ganda jumlah modal dilaburkan, mendorong kepada peningkatan jumlah nilai pemegang saham keseluruhan sebanyak RM6.9 billion, iaitu 1.9 kali ganda jumlah modal dilaburkan Ekuinas.
- Fokus pada TK2019 ialah pengukuhan syarikat-syarikat portfolio melalui pelan penciptaan nilai (VCP) tertentu yang merangkumi penambahbaikan operasi dan kapasiti bagi meningkatkan dan mengoptimumkan prestasi keseluruhan syarikat-syarikat tersebut. Ini sebagai tambahan bagi mencipta nilai jangka masa panjang untuk memastikan mereka mempunyai asas yang lebih kukuh untuk melangkah lebih jauh dan mengemudi di waktu sukar.

**KUALA LUMPUR, 28 SEPTEMBER 2020:** Ekuiti Nasional Berhad (Ekuinas) hari ini mengumumkan keputusan kewangannya untuk tahun kewangan berakhir 31 Disember 2019 (TK2019). Sehingga kini, Ekuinas telah melaksanakan pelaburan kumulatif dalam 41 syarikat, dengan jumlah pelaburan komited sebanyak RM4.1 billion. Sehubungan dengan itu, ia juga telah menjana impak positif terhadap ekonomi Malaysia secara meluas yang menjadikan jumlah kemasukan modal bersama rakan sektor swasta sebanyak RM4.8 bilion.

Ekuinas Direct (Tranche II) Fund mencatatkan Pulangan Kasar Portfolio RM582.9 juta, menjana Kadar Pulangan Dalaman (IRR) kasar tahunan dan IRR bersih masing-masing pada 13.5% dan 9.6%. Manakala, Ekuinas Direct (Tranche III) Fund mencatatkan Kerugian Kasar Portfolio RM170.5 juta, bersamaan dengan IRR kasar tahunan sebanyak negatif 10.8%. Prestasi dana ini kebanyakannya didorong oleh penurunan penilaian beberapa syarikat portfolio dan Ekuinas telah melaksanakan inisiatif-inisiatif penciptaan nilai yang ketat dan menyeluruh demi meningkatkan tahap berdaya saing syarikat masing-masing di samping

melaksanakan pelan pemulihan untuk menambah baik prestasi kewangan dan operasi mereka.

Ekuinas juga memilih dalam mengerahkan modal dan menyalurkan usaha pelaburannya terhadap pelaburan susulan. Pada tahun tersebut, Ekuinas telah memperuntukkan sebanyak RM205.9 juta, termasuk pelaburan RM20.0 juta dalam Orkim Sdn Bhd, RM183.0 juta dalam Icon Offshore Berhad (ICON), dan RM2.9 juta dalam Exabytes Capital Group Sdn Bhd.

Tahun 2019 menyaksikan Ekuinas melupuskan dua syarikat portfolionya, APIIT Lanka Pvt Ltd dan Primabaguz Sdn Bhd, sejajar dengan langkah untuk melupuskan pelaburan di bawah Ekuinas Direct (Tranche II) Fund. Pelupusan tersebut telah menghasilkan IRR kasar sebanyak 17.7% dan 22.1% bersamaan 2.2 dan 3.8 kali ganda modal dilaburkan. Hasil terealisasi daripada aktiviti pelupusan Ekuinas pada 2019 berada pada RM384.6 juta. Ini membawa jumlah keseluruhan terealisasi syarikat termasuk pendapatan daripada dividen dan faedah kepada RM3.1 bilion.

Raja Tan Sri Dato' Seri Arshad Raja Tun Uda, Pengerusi Ekuinas berkata, "2019 ialah tahun bersejarah buat kami dalam memperingati tahun ke-10 penubuhan Ekuinas. Tujuan kami masih sama iaitu menjadi rakan pertumbuhan bagi syarikat peneraju generasi seterusnya di Malaysia sambil menggalakkan penjanaan kekayaan dan penglibatan ekonomi Bumiputera yang mampan dan saksama melalui model ekuiti persendirian (*PE*). Prestasi komersial dan sosial kami sepanjang dekad ini membuktikan keberkesanan strategi model ekuiti persendirian (*PE*) yang unik dalam mencipta nilai untuk syarikat-syarikat dan pulangan yang dijanakan membolehkan pelaksanaan objektif sosial kami dengan membantu dan menaikkan taraf masyarakat Bumiputera."

Menyentuh perihal objektif sosial, Ekuinas dengan positifnya telah meningkatkan nilai ekuiti Bumiputera kepada RM5.4 bilion, atau 1.5 kali ganda modal dilaburkan, mendorong kepada kenaikan dalam nilai kesemua pemegang saham sebanyak RM6.9 bilion, iaitu 1.9 kali ganda jumlah modal dilaburkan. Ekuinas juga berjaya menambahkan bilangan tenaga kerja Bumiputera di syarikat portfolionya, dengan mencatatkan kenaikan pengurus sebanyak 23.5% dan kakitangan sebanyak 14.1% sejak penglibatan Ekuinas.

Syed Yasir Arafat Syed Abd Kadir, Ketua Pengawai Eksekutif Ekuinas berkata, "Sejak sedekad lalu, industri ekuiti persendirian telah menampakkan perubahan ketara dalam jumlah

transaksi jual beli dan merekodkan kadar pertumbuhan hampir lima kali ganda. Di peringkat dunia dan Malaysia, dinamik pasaran telah beranjak dan menyaksikan satu peralihan ketara dalam peruntukan modal daripada pasaran awam ke pasaran persendirian. Ekuiti persendirian sebagai satu kelas aset di Malaysia telah menunjukkan kejayaan dan saya gembira dapat menyaksikan semangat industri ekuiti persendirian berkembang baik sejak penubuhan kami pada tahun 2009. Saya percaya rekod prestasi kami memberi gambaran sebenar mengenai pencapaian kami memandangkan mandat pelaburan diberi hanya untuk syarikat Malaysia. Kami kekal fokus terhadap objektif kami dalam membangunkan syarikat tempatan bersaiz sederhana untuk menjadikan mereka peneraju industri serantau. Kami berharap untuk terus melaksanakan strategi sama untuk lebih banyak syarikat Malaysia yang berpotensi tinggi memasuki pertumbuhan fasa seterusnya.”

“Tahun 2019 ialah tahun yang sekali lagi mencabar untuk dunia dan Malaysia. Di peringkat dunia, tahun lalu yang sememangnya mencabar dari segi ekonomi, kesan perang dagang yang semakin meningkat dan keadaan tidak menentu dalam industri minyak. Pertumbuhan ekonomi Malaysia adalah sederhana disebabkan ketidakpastian yang berlarutan dibawa oleh faktor luar, dan kesan tersebut telah meresap ke dalam ekonomi kita. Oleh yang demikian, fokus Ekuinas pada TK2019 ialah mengukuhkan syarikat-syarikat portfolio melalui pelan penciptaan nilai (VCP) tertentu yang merangkumi penambahbaikan operasi dan kapasiti bagi meningkatkan dan mengoptimumkan prestasi keseluruhan syarikat-syarikat tersebut. Ini, sebagai tambahan bagi mencipta nilai jangka masa panjang untuk memastikan mereka mempunyai asas yang lebih kukuh untuk melangkah lebih jauh dan mengemudi di waktu sukar. Kami akan terus melaksanakan strategi pelaburan kami di sebalik kelembapan ekonomi dengan menggerakkan VCP kami bagi menambah baik dan mengoptimumkan keseluruhan prestasi syarikat-syarikat kami,” Syed Yasir Arafat menyimpulkan.

Antara inisiatif-inisiatif penciptaan nilai yang dilaksanakan oleh Ekuinas untuk syarikat-syarikat portfolionya termasuk:

- i. Menambah baik kecekapan operasi dalam pengurusan kewangan dan inventori untuk Al-Ikhsan yang membawa kepada pencapaian tahun terbaik pada tahun 2019 serta pelaksanaan inisiatif-inisiatif pendigitalan dan e-dagang;
- ii. Penstrukturan hutang ICON dan pelaksanaan hak tawarannya;
- iii. Menyemak semula dan mengkaji pangkalan pelanggan Coolblog, penawaran produk dan proses perolehan; dan

- iv. Membina pangkalan pelanggan yang lebih luas dan menambah baik kecekapan operasi untuk Flexi Versa Group Sdn Bhd.

Cabaran pada tahun 2020 dijangka akan berterusan dengan masalah kewangan yang lebih mencabar untuk perniagaan. Secara keseluruhan, Ekuinas menjangka masih ada peluang tetapi akan terus melaksanakan secara berdisiplin kerana Ekuinas mencari prospek pelaburan berkualiti dan bertekad meneruskan usaha dalam menyampaikan mandatnya dalam memangkin pertumbuhan perniagaan tempatan sambil memberi impak positif kepada masyarakat Bumiputera.

Unit Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) Ekuinas, *ILTIZAM*, terus membantu masyarakat terpinggir. Pada tahun 2019, *ILTIZAM Entrepreneur Mentorship Programme (EMP)* telah menyediakan bantuan kepada satu perusahaan Bumiputera, Kapten Batik, pengusaha baju batik premium tempatan untuk lelaki dengan meletakkan pelan hala tuju dan strategi bagi memastikan jenama ini terus menawarkan produk dan perkhidmatan yang berkualiti kepada pelanggannya. Manakala tonggak utama program *ILTIZAM*, *ILTIZAM Professional Development Programme (PDP)*, kumpulan tahun 2019 menyaksikan 76 pelatih diterima masuk ke dalam program satu tahun itu dan ditempatkan di beberapa buah syarikat portfolio Ekuinas dan syarikat rakan kerjasamanya. Sejak 2012, program ini telah berjaya membantu 80% siswazah Bumiputera memperoleh pekerjaan tetap di peringkat ijazah.

Sebagai sokongan kepada masyarakat, *ILTIZAM* dengan kerjasama beberapa buah Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) terpilih telah menyantuni masyarakat terpinggir di seluruh Malaysia melalui program makanan dan bantuan kewangan. Untuk tahun 2019, *ILTIZAM* menyalurkan sejumlah RM8.0 juta melalui tiga tonggakunya (keusahawanan, pendidikan dan komuniti), memanfaatkan 12,000 penerima di seluruh negara.

Tambahan lagi, ketika negara dan dunia sedang bertarung menentang wabak COVID-19, Ekuinas telah menubuhkan **Dana Ihsan COVID-19 *ILTIZAM*** berjumlah RM10.0 juta untuk mengurangkan beban yang dialami para barisan hadapan dan menyediakan bantuan kepada golongan terjejas.

*Untuk membaca dengan lebih lanjut mengenai prestasi Ekuinas pada tahun 2019, sila rujuk **Penyataan Bersama Pengerusi dan CEO** di buku **Laporan Tahunan 2019**, halaman 12-19 (versi English).*

-Tamat-

### **Mengenai Ekuiti Nasional Berhad**

Ekuinas (Ekuiti Nasional Berhad) ialah syarikat pengurusan dana ekuiti persendirian berkaitan kerajaan yang ditubuhkan pada 1 September 2009 dan ia berusaha membina syarikat terkemuka Malaysia generasi akan datang, sambil menggalakkan penjana kekayaan serta penglibatan Bumiputera secara saksama dan mampan. Setakat ini, Ekuinas telah melabur dalam syarikat Malaysia yang berpotensi tinggi yang terlibat dalam sektor sasaran teras Ekuinas iaitu pendidikan, barangan pengguna laris, minyak dan gas, runcit, penjagaan kesihatan, dan perkhidmatan.

Ekuinas telah disenarai pendek sebagai salah satu daripada 3 Firma Asia Tenggara Terbaik Tahun ini oleh Private Equity International (PEI) Awards untuk tahun 2018 dan 2019. Untuk maklumat lanjut, layari [www.ekuinas.com.my](http://www.ekuinas.com.my)

#### **For media enquiries:**

Lok Ru Jun  
Klareco Communications

Foo Zhen Min  
Klareco Communications

M: +6012-325 6949  
E: [RLok@klarecocomms.com](mailto:RLok@klarecocomms.com)

M: +6012-440 6949  
E: [ZFoo@klarecocomms.com](mailto:ZFoo@klarecocomms.com)